

13 MAR 1997

Sebana

PUSAT PERANGINAN PERTAMA TAWAR KEMUDAHAN MARINA DAN PADANG GOLF

KOTA TINGGI, 13 Mac (Bernama) -- Sebana Cove and Marina Resort, kira-kira 80 kilometer dari sini, yang dilawati Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merupakan pusat peranginan pertama di negara ini yang menawarkan kemudahan marina dan padang golf.

Pusat peranginan itu merangkumi kawasan seluas 764 hektar dan terletak di lokasi yang strategik di tebing Sungai Sebana, Pengerang.

Ia boleh dikunjungi melalui jalan darat atau jalan laut dari Tanjung Puteri di Johor Baharu atau terminal feri Tanah Merah dan Changi Point di Singapura.

Apabila cadangan lebuhraya menghubungkan Bandaraya Johor Baharu dengan bahagian timur Johor siap kelak, perjalanan dari Pasir Gudang ke Sebana Resort akan mengambil masa kurang daripada setengah jam.

Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman berkata, dengan kedudukan yang strategik itu, beliau yakin pusat peranginan berkenaan akan menjadi salah satu daya tarikan pelancong kepada kawasan pertumbuhan segi tiga Indonesia-Malaysia-Singapura (IMS-GT) serta mendorong pelaburan ke kawasan itu.

Sebana Cove and Marina Resort yang dimajukan oleh Sebana Holdings Sdn Bhd merupakan projek usahasama yang dibentuk pada tahun 1993 antara Arab-Malaysian Development Berhad dan YPJ Holdings Sdn Bhd dengan masing-masing memegang ekuiti 60 peratus dan 40 peratus.

Selain daripada menyediakan kemudahan tempat berlabuh untuk kira-kira 100 kapal layar, pusat peranginan itu juga mempunyai kemudahan sukan air, sukan memanah, basikal, gelanggang tenis, gimnasium, bilik persidangan, restoran serta tempat permainan kanak-kanak.

Padang golf 18 lubang di pusat peranginan itu pula direka oleh Ted Parslow dari E&G Parslow (M) Sdn Bhd yang beribu pejabat di Kuala Lumpur.

Pada kiraan purata, padang golf itu boleh menampung 160 pemain pada satu hari manakala pada hujung minggu antara 120 dan 170 pemain boleh bermain. Pada hari-hari biasa, antara 30 dan 40 pemain dijangka menggunakannya.

Selain daripada padang golf, pengemar golf juga boleh menikmati kemudahan lain seperti rumah kelab golf, sebuah restoran yang dipanggil "plantation restaurant" dan menyediakan hidangan tempatan, sebuah kedai golf, lapang sasaran, surau, bilik persalinan serta pondok penyelenggaraan.

-- BERNAMA

MKO PR